

## INTERNET

# Syor masukkan isu godam dalam Akta Antikeganasan

**K**uat kuasa undang-undang atasi masalah godaman laman web internet langkah proaktif yang lebih berkesan perlu diambil pihak berkaitan bagi mengelakkan kejadian laman web terutama laman web syarikat serta laman web milik kerajaan daripada digodam. Ini berikutan insiden laman web MAS yang digodam sebuah kumpulan mengelarkan diri mereka sebagai *Cyber Caliphe* (Khalifah Siber).

Kejadian ini harus dipandang serius semua pihak kerana ia sudah pasti akan menjejaskan reputasi sesebuah syarikat atau organisasi. Ia juga boleh menjejaskan keselamatan data maklumat peribadi serta menjejaskan keselamatan sesebuah negara jika rahsia individu atau milik negara dibongkar.

**Langkah tegas pihak berkuasa** Penguatkuasaan undang-undang sedia ada juga adalah perlu selain langkah tegas pihak berkuasa untuk melaksanakan siasatan dengan segera serta membawa mereka yang disyaki ke muka pengadilan. Ia juga dapat menjadi pengajaran kepada mana-mana pihak supaya tidak membabitkan diri dengan kegiatan menggodam atau kesalahan lain berkaitan dengan penyalahgunaan internet.

Untuk makluman semua, siasatan ke atas aduan pengoda-

## 'Cyber Caliphe' godam laman web MAS

» Gangguan sementara tak jejas perkhidmatan syarikat

Oleh Saifee Affendy Razali dan Fitri Nizam  
bhnews@bh.com.my

\* Kuala Lumpur

Laman web Penerbangan Malaysia (MAS), [www.malaysiaairlines.com](http://www.malaysiaairlines.com), digodam oleh kumpulan yang mengelarkan diri mereka 'Cyber Caliphe' (Kha-

lifa) itu individu yang bertanggungjawab menggodam, yang terdiri daripada Lizard Squad, UGNazi, Nathan Nye dan Henry Blair Stater.

Semakan mendapati pemilik akaun twitter yang menggunakan nama Lizard Squad (@LizardMafia), aktif memuat naik paparan gambar 'kejayaan' mereka menggodam laman web MAS.

Lizard Squad adalah kumpulan penggodam terkenal dan bertanggungjawab terhadap beberapa insiden tahun lalu termasuk terhadap PlayStation Network milik Sony dan pelayan Xbox oleh Microsoft.

MAS nafli digodam

Sementara itu, MAS dalam satu kenyataan, menafikan laman web syarikat itu digodam, sebaliknya

Keratan akhbar BH bertarikh 27 Januari 2015 mengenai **insiden laman web MAS digodam.**



man adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sebarang siasatan serta tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563). Seksyen 5 Akta 563 jelas memperuntukkan undang-undang mengenai pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer.

Menurut seksyen 5 (1), seseorang adalah melakukan kesalahan sekiranya dia melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa akan kan-

dungan mana-mana komputer.

Jika seseorang itu didapati bersalah dibawah seksyen ini dia boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau boleh didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, sekiranya perbuatan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan seperti ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Adalah penting bagi mana-mana individu ataupun organisasi

yang menghadapi masalah terbabit untuk tampil membuat aduan dengan segera sebelum ia menjadi serius serta berada di luar kawalan.

**Mangsa digalag buat laporan**

Mangsa juga digalakkan membuat laporan kepada pengendali laman web terbabit bagi tujuan memadam akaun alamat web yang terbabit atau disetkan semula kata laluan baharu yang lebih selamat serta sukar untuk dibolosi.

Boleh juga dicadangkan supaya isu godaman yang berlaku dalam

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

internet ini dimasukkan dalam rang undang-undang yang ingin dibentangkan mengenai keganasan memandangkan terdapatnya potensi untuk pihak penganas melakukan kegiatan keganasan mereka dengan menggodam mana-mana laman web yang mereka inginkan.

Akta Antikeganasan yang dicadangkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini boleh mencadangkan perkara ini dimasukkan ke dalam akta terbabit supaya sebarang kegiatan godaman oleh penganas dapat ditangani dengan segera serta lebih berkesan.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,** Universiti Sains Islam Malaysia